

17 JAN 2001

Sharizat-Menteri

SHAHRIZAT JANJI PERJUANGKAN ISU-ISU WANITA

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Menteri Hal Ehwal Wanita yang baru dilantik Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata beliau akan terus memperjuangkan isu-isu berkaitan wanita selain membawa golongan itu mencapai kedudukan yang lebih baik.

Antara isu yang menjadi keutamaannya ialah peranan wanita sebagai individu, ibu, isteri, dan anak di rumah serta pekerja.

"Saya tidak tengok sebagai isu wanita sahaja tetapi lebih kepada soal yang membabitkan masyarakat. Saya juga berminat (hendak tahu) mengapa ramai wanita yang berpendidikan tinggi tidak mahu bekerja," katanya dalam satu sidang berita di Pusat Perkhidmatan Masyarakat Lembah Pantai di sini.

Pengumuman Shahrizat sebagai menteri diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Selain beliau, Brig Jen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Sharizat berkata dalam era Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT), yang membawa konsep "SOHO" iaitu pejabat kecil di kediaman, wanita berpelajaran masih boleh bekerja tanpa menjejaskan peranan tradisi mereka sebagai isteri dan ibu.

Beliau juga berharap dapat bekerjasama dengan setiap pertubuhan wanita dalam mengkaji semua undang-undang dan dasar kerajaan yang melibatkan wanita.

Shahrizat, yang masih belum menerima surat rasmi mengenai pelantikannya itu, berkata beliau bersedia melakukan perubahan dasar atau undang-undang demi memanfaatkan golongan hawa.

"Saya berharap semua pemimpin wanita sama ada dalam kerajaan atau badan bukan kerajaan dapat bekerjasama dengan saya dalam menangani isu-isu wanita ini," katanya.

Sharizat juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana melantiknya sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita.

"Penubuhan kementerian baru menunjukkan kerajaan sentiasa perhatin terhadap rintihan dan keluhan rakyat. Ia juga adalah satu pengiktirafan kepada perjuangan wanita di Malaysia yang sudah bermula sejak 50 tahun lepas," katanya.

Shahrizat, 47, Anggota Parlimen Lembah Pantai, adalah lulusan undang-undang dari Universiti Malaya pada 1977, dan 18 tahun kemudian menjadi Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu juga merupakan Naib Ketua Wanita Umno dan dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada Disember 1999.

Sementara itu, di SEPANG, Senator Datuk M.Kayveas yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyifatkan pelantikannya itu sebagai satu kejayaan besar bagi Parti Progresif Rakyat (PPP).

"Ini adalah kali pertama selepas 11 tahun seorang anggota PPP dilantik sebagai timbalan menteri," katanya kepada pemberita di Bilik Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

Beliau sebelum itu mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang

berlepas ke Jepun malam ini untuk lawatan empat hari.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas pelantikannya itu, Kayveas berjanji akan melaksanakan dengan baik tugas yang diamanahkan kepadanya.

-- BERNAMA  
NHA RV NAK